

# Tangani rokok seludup melalui langkah cukai

Faktor harga punca rokok seludup jadi pilihan berbanding rokok sah

Kuala Lumpur

**U**saha membanteras rokok seludup di negara ini tidak boleh terhad kepada idea semata-mata, sebaliknya menuntut pelbagai langkah penguatkuasaan yang tegas dan menyeluruh untuk memeranginya.

Ketika ini, rokok seludup sudah menjadi di antara nadi ekonomi gelap Malaysia yang merampas sumber pendapatan cukai yang sangat diperlukan kerajaan di samping menyebabkan kerosakan sosio-ekonomi.

Ini kerana nilai ekonomi gelap di Malaysia, dianggarkan bersamaan kira-kira 21 peratus daripada nilai Kekuruan Dalam Negara Kasar (KDNK) yang berjumlah RM300 bilion setahun.

Faktor harga produk adalah antara punca utama rokok seludup menjadi pilihan pengguna berbanding produk yang diedarkan secara sah pada harga lebih mahal kerana duti eksais tinggi. Suatu aspek yang turut perlu diteliti.

Pengerusi Tricor Malaysia, Dr Veerinderjeet Singh, berkata ekonomi gelap masih membenggu negara hingga merampas sumber percukaian sangat diperlukan kerajaan.

"Anggaran saiz ekonomi gelap adalah sangat subjektif. Daripada perspektif cukai, kita ada contoh yang mana syarikat sah mengemukakan borang cukai tetapi tidak mengisyihar jumlah penuh atau tidak membayar cukai langsung.

"Kemudian, ada juga perolehan secara tidak sah daripada aktiviti penyeludupan dan juga rasuah yang sememangnya tidak akan dilaporkan sama sekali. Ini adalah sebahagian daripada ekonomi gelap dan bila-sangannya boleh menjadi lebih besar daripada yang kita firikkan," katanya.

Veerinderjeet berkata, demikian ketika menjalani panel Meja Bulat New Straits Times bertajuk *Mengetengahkan Ekonomi Gelap Untuk Menjana Pemulihan Ekonomi* yang diadakan untuk menentukan apa lagi boleh dilakukan bagi membantu kerajaan menutup ketirisan dan membina semula ekono-



DARI kanan, Dr Yusoff, Dr Veerinderjeet, Akhbar dan Pankaj ketika panel Meja Bulat New Straits Times bertajuk *Mengetengahkan Ekonomi Gelap Untuk Menjana Pemulihan Ekonomi* di Balai Berita NSTP, Jalan Bangsar.



AKHBAR



DR Yusoff



DR Veerinderjeet



PANKAJ

nomi, susulan pandemik Covid-19.

Sesi Meja Bulat itu dikenalpasti oleh Wartawan Kannan New Straits Times, Arfa Yunos.

Ahli panel lain adalah bekas Ketua Polis Sarawak, Datuk Dr Yusoff Nook; bekas presiden Transparency Malaysia dan Pengasas serta Presiden Persatuan Pemeriksa Penipuan Bertauliah (ACFE)-Cawangan Malaysia, Datuk Seri Akhbar Satar dan kolumnis berpengaruh yang juga penganalisis pelaburan dan ekonomi serta pengulas isu semasa, Pankaj Kumar.

Yusoff juga bersetuju bahawa skala ekonomi gelap Malaysia mungkin lebih besar daripada yang dicatatkan di dalam data.

**Kita patut mempertimbangkan untuk membenarkan syarikat rokok memperkenalkan produk baharu, dicukaikan pada kadar lebih rendah menerusi tahap percuaiannya baharu. Ia akan mewujudkan segmen rokok sah berharga lebih berdaya saing dengan rokok seludup"**

Dr Veerinderjeet

Beliau juga menganggarkan, kos jenayah ekonomi boleh mencecah trilion ringgit dalam tempoh 10 tahun akan datang.

Mengulas langkah bagi membanteras pasaran rokok seludup yang dibentangkan pada Belanjawan 2021, Pankaj berkata, ia adalah lang-

kah tepat bagi menangani ancaman yang semakin meningkat itu.

Namun, katanya melihat kepada gambaran lebih luas, cukai eksais tinggi juga menyumbang kepada melonjaknya pasaran rokok seludup di Malaysia.

"Antara tahun 2013-2015,

cukai eksais sudah dinaikkan sebanyak 40 peratus menyebabkan kenaikan besar kepada harga runcit rokok. Demografi perokok hari ini didominasi segmen B40.

"Menganggarkan sekotak 20 batang rokok berharga RM17.40 dan jika seseorang merokok 20 kotak sebulan, ia berjumlah RM350 sebulan atau bersamaan kepada 16 peratus daripada Pendapatan Garisan Kemiskinan (PLI) sebanyak RM2,208 sebulan pada 2019.

"Dengan beban perbelanjaan sebegini tinggi, sudah tentunya pengguna mahu-kan sesuatu yang lebih murah. Mereka tidak mampu membeli rokok sah pada masa ini," katanya.

Veerinderjeet berkata,

apabila cukai bagi produk itu terlalu mahal, memang semula jadi untuk orang ramai memilih yang lebih murah.

"Anda hanya boleh menaikkan cukai ke satu peringkat tertentu sahaja. Inisiatif bagi menangani rokok seludup di dalam Belanjawan 2021 adalah memadai hanya jika agensi penguatkuasaan dan ahli politik yakin bahawa mereka boleh menguatkuasakannya dengan baik.

"Kita ini, hebat bila bab mencetuskan idea, tetapi penguatkuasaan sentiasa menjadi masalah," katanya.

Beliau berkata, kerajaan bukan sahaja kehilangan hasil cukai tetapi juga cukai yang tidak dipungut ke atas perolehan daripada industri ini.

"Kita menyaksikan cukai eksais dikenakan ke atas produk dan cukai tinggi jelas bukan penyelesaiannya. Penyelesaiannya patut menurunkan cukai eksais ke atas rokok bersama-sama langkah penguatkuasaan lebih tegas dan pendidikan kesedaran kepada orang ramai.

"Seandainya menurunkan keseluruhan struktur cukai tidak boleh dilakukan, maka kita patut mempertimbangkan untuk membenarkan syarikat rokok memperkenalkan produk baharu, dicukaikan pada kadar lebih rendah menerusi tahap percuaiannya baharu. Ia akan mewujudkan segmen rokok sah berharga lebih berdaya saing dengan rokok seludup, berdasarkan harga," katanya.

Pankaj bersetuju dengan keperluan untuk merapatkan jurang harga antara rokok sah dengan yang seludup.

Beliau berkata, ini akan mengurangkan motif kewangan yang mendorong sindiket jenayah menyeludup masuk rokok kerana margin keuntungan mereka akan terhapus.

Akhbar pula berkata, semua boleh bersetuju bahawa telah tiba masanya untuk kita memburu sindiket ini menerusi penguatkuasaan dan juga perubahan cukai.

"Seperti rokok seludup, ekonomi gelap akan terus merasuh kerajaan kita dan institusi sosial jika penyelesaian holistik tidak dilaksanakan," katanya.